

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

## Topeng muka N95 paling berkesan tangani jerebu

**Kuala Lumpur:** Penggunaan penutup hidung dan mulut jenis N95 adalah paling berkesan dalam situasi jerebu berikutan ia dapat menapis partikel sehalus 0.1 hingga 0.3 mikron.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, saiz partikel yang terdapat di dalam asap jerebu adalah 2.5 mikron.

"Hampir 95 peratus partikel daripada udara jerebu dapat ditapis N95. Malah topeng itu boleh diulang pakai sehingga ada koyak, rosak

atau kesan kotor.

"Manakala *surgical mask* (topeng muka pembedahan) pula masih boleh membantu melindungi pengguna walaupun dalam efisiensi yang lebih rendah.

"Topeng berkenaan dapat menghalang partikel besar zarah halus jerebu. 'Surgical mask' pula hanya dapat menapis 12 peratus daripada partikel halus jerebu yang berukuran sekecil 2 hingga 3 mikron yang terampai di udara berbanding N95," katanya ketika dihubungi, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : JEREBU LANDA MALAYSIA

## Kes jangkitan mata dan masalah pernafasan meningkat

**SEREMBAN** - Kes jangkitan mata dan saluran pernafasan atas (URTI) meningkat sepanjang tempoh kualiti udara dilaporkan berada pada tahap tidak sihat.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, peningkatan berlaku pada minggu ke 37 iaitu 8 hingga 14 September berbanding minggu sebelumnya.

Katanya, terdapat tiga penyakit yang dipantau semasa jerebu iaitu jangkitan mata, URTI dan asma di semua fasiliti kesihatan sentinel.

"Di Klinik Kesihatan Nilai, bilangan kes jangkitan mata (conjunctivitis), yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 33 peratus berbanding pada minggu sebelumnya.

"Bagi kes URTI pula, bilangan kes yang dilaporkan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 29 peratus, bagaimanapun, pemantauan kes asma tidak menunjukkan sebarang peningkatan.

"Pemantauan kes di fasiliti kesihatan sentinel di daerah Port Dickson (Hospital Port Dickson dan Klinik Kesihatan Port Dickson) tidak menunjukkan sebarang peningkatan bagi kes jangkitan mata (conjunctivitis), URTI dan asma," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan orang ramai yang mengalami gejala dan tanda seperti batuk, selesema, asma, sakit mata, jangkitan paru-paru untuk datang ke klinik bagi pemeriksaan dan rawatan sewajarnya.